



Bintulu Port Holdings Berhad

PRESS RELEASE For Immediate Release

Bintulu Port's Cargo Throughput Rose 6.57% in first half 2021

BINTULU: In the first six months of 2021, cargo throughput in Bintulu Port Group achieved 24.63 million tonnes, a rise of 6.57% compared with the same period last year. Total export trade rose by 4.56% and import trade rose by 15.17%. There was primarily an increase in cargo volume of LNG, alumina, manganese ore, coal, quartz, woodchips, containers, aluminium and manganese products.

For the first half of the financial year 2021, Bintulu Port Group's net profit edged 7.11% to RM44.62 million from RM41.66 million, and the operating revenue rose by 7.01% to RM366.91 million (1H 2020: RM342.86 million). Revenue generated from port's services at Bintulu Port is RM282.48 million as against RM267.75 million during the first six months of preceding year. Samalaju Industrial Port generated RM64.73 million revenue compared to RM53.91 million, whilst the revenue from bulking facilities is RM19.70 million as against RM21.20 million during the period under review. The expenditure during the period under review of RM309.98 million is higher by 3.78% on the first half 2021 (1H 2020: RM298.26 million). This is due to the recognition of depreciation of right of use assets under *MFRS 16: Leases* for additional charter hire of vessels for port operation.

The Group's earnings per share increased to 9.70 sen compared to 9.05 sen during the period under review. For the second quarter of 2021, Bintulu Port declared a second interim single-tier dividend of 3.00 sen per share, which will be paid on October 7, 2021. Total dividend declared up to 30 June 2021 is 6.00 sen per share (1H 2020: 4.00 sen per share).

The group was mindful and conscious of the challenging business environment and the economic uncertainty in view of the global economic contraction arising from the on-going Covid-19 pandemic.

Group Chief Executive Officer Dato Mohammad Medan bin Abdullah in anticipation of the continued challenging environment, Bintulu Port Group remained vigilant and continue to strive in achieving its mission which is to deliver operational excellence & ensuring long-term sustainability based on 3Ps (Profits, People, Planet). "We are firmly committed to overcoming any potential adverse impact to our customers and will continue to work efficiently and effectively as possible.

Great crises test our resolve, but they also provide opportunities to reshape our future," he added.

Bintulu Port Group foresee a continuous demand improvement, especially on the export of LNG cargo, woodchips as well as aluminium and manganese products. The Group is also expecting an upward trend in container trade after economic activities reopened with the lifting of lockdowns in a staggered manner in Malaysia and globally.

Outlook

Bintulu Port Group's performance for second half 2021 is expected to improve following the global vaccine roll-out programme, however recovery prospects remain uncertain due to risk of Covid-19 resurgence which will affect the supply chain of the logistics industry.

*****END****



Bintulu Port Holdings Berhad

SIARAN MEDIA Untuk siaran segera

Pengendalian Kargo Pelabuhan Bintulu Meningkatkan 6.57% Separuh Pertama Tahun 2021

BINTULU: Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2021, hasil kargo di Kumpulan Syarikat telah merekodkan pencapaian sebanyak 24.63 juta tan, iaitu peningkatan sebanyak 6.57% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu. Jumlah perdagangan eksport menunjukkan peningkatan sebanyak 4.56% dan perdagangan import meningkat sebanyak 15.17%. Peningkatan ini adalah hasil daripada hasil kargo seperti LNG, alumina, '*manganese ore*', '*coal*', kuarza (*quartz*), '*woodchips*', kontena aluminium dan produk mangan (*manganese*).

Bagi tempoh enam (6) bulan pertama tahun kewangan 2021, Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad (BPHB) telah mencatat peningkatan keuntungan bersih sebanyak 7.11% daripada RM41.66 juta kepada RM44.62 juta dan perolehan operasi juga meningkat sebanyak 7.01% kepada RM366.91 juta (1H 2020: RM342.86 juta). Perolehan yang dijana dari perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu adalah RM282.48 juta berbanding RM267.75 juta selama enam bulan pertama tahun sebelumnya. Pelabuhan Samalaju menjana perolehan sebanyak RM64.73 juta berbanding RM53.91 juta, sementara perolehan dari kemudahan pukal minyak sawit adalah RM19.70 juta berbanding RM21.20 juta dalam tempoh yang sama. Perbelanjaan bagi tempoh 1H 2021 berjumlah RM309.98 juta, meningkat 3.78% berbanding RM298.26 juta (1H 2020). Peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan peningkatan kos susutnilai hak penggunaan aset yang diiktiraf mengikut *MFRS 16: Sewapajak* bagi penyewaan tambahan bot-bot tunda bagi operasi pelabuhan.

Pendapatan sesaham Kumpulan BPHB meningkat kepada 9.70 sen daripada 9.05 sen dalam tempoh yang dikaji. Bagi suku kedua tahun 2021, Kumpulan BPHB mengisytiharkan dividen interim setingkat kedua sebanyak 3.00 sen sesaham, yang akan dibayar pada 7 Oktober 2021. Jumlah dividen yang diisytiharkan sehingga 30 Jun 2021 adalah sebanyak 6.00 sen sesaham (1H 2020: 4.00 sesaham).

Kumpulan syarikat menyedari dan sentiasa berwaspada dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa ini. Dunia perniagaan makin mencabar. Ini adalah kesan daripada pandemik COVID19 yang masih melanda.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato Mohammad Medan bin Abdullah berharap dalam keadaan persekitaran yang kian mencabar ini, Kumpulan Syarikat kekal siap-siaga dan terus berusaha untuk mencapai misi syarikat iaitu memberikan kecemerlangan operasi & memastikan kelestarian jangka panjang berdasarkan 3P (*Profit, People & Planet*). "Kami komited untuk mengatasi segala kemungkinan yang mungkin memberi kesan kepada pelanggan. Kami akan sedaya upaya menyediakan perkhidmatan yang efisien dan efektif. Cabaran merupakan ujian, dalam masa yang sama, ia adalah peluang untuk kita mengorak masa depan yang lebih baik', tambah beliau.

Kumpulan syarikat BPHB meramalkan akan berlaku peningkatan permintaan yang berterusan, khususnya untuk eksport kargo LNG, 'woodchips', produk aluminium dan mangan (*manganese*). Kumpulan syarikat juga menjangkakan akan berlaku kenaikan dalam perdagangan kontena setelah aktiviti ekonomi dibuka semula dengan pemansuhan atau kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan secara berperingkat di Malaysia dan di peringkat global.

Prospek

Prestasi Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad untuk separuh tahun kedua kewangan 2021 adalah dijangka berlakunya penambahbaikan berikutan pelaksanaan program vaksinasi secara global. Walau bagaimanapun, prospek diramal masih tidak menentu kesan daripada risiko kemunculan varian baru Covid-19. Ia akan mempengaruhi rantai bekalan kepada industri logistik.

****TAMAT****

For further information, please contact:
Mervin Garawat
Contact No: [086-291256](tel:086-291256) or Email: mervin@bintuluport.com.my
Investor Relation Unit, Bintulu Port Holdings Berhad
27 August 2021